



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 9/2006
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGGUNAAN TANDA NAMA BAGI PEGAWAI DAN KAKITANGAN
KERAJAAN YANG BERURUSAN TERUS DENGAN ORANG RAMAI**

Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Kebawah Duli yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memang sentiasa mengambil berat mengenai dengan perkhidmatan agensi-agensi Kerajaan terhadap perkhidmatan kepada orang ramai. Sehubungan dengan itu, pada Menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pegawai dan Kakitangan Kerajaan khususnya yang bertanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan secara langsung kepada orang ramai adalah dikehendaki untuk memakai tanda nama (name tag) semasa bertugas. Pegawai dan kakitangan yang lain walaupun tidak berurusan secara langsung dengan orang ramai adalah juga digalakkan untuk memakai tanda nama di sepanjang waktu bertugas sebagai pengenalan diri. Arahan ini adalah bagi memudahkan lagi orang ramai yang berurusan dengan kementerian dan jabatan berkenaan mengenali pegawai dan kakitangan yang memberikan perkhidmatan kepada mereka.

Jabatan Perdana Menteri sedia maklum bahawa beberapa buah Kementerian dan jabatan telah mengambil inisiatif bagi pemakaian tanda nama (name tag) bagi pegawai dan kakitangan yang bertugas di kaunter masing-masing. Jabatan ini sentiasa mengalu-alukan dan menghargai usaha Kementerian dan Jabatan berkenaan.

Jabatan Perdana Menteri penuh berharap agar usaha ini akan dapat membantu meningkatkan imej Perkhidmatan Awam khususnya selain dari dapat membantu memperkesangkan lagi pemberian perkhidmatan kepada pelanggan bagi sama-sama mendokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sering menekankan pentingnya mendahulukan sifat-sifat pemedulian terhadap orang ramai (putting people first) melalui perkhidmatan yang berorientasikan mesra pelanggan.

[PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri

Istana Nurul Iman

Bandar Seri Begawan

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (9)JPM/SK/2006

Tarikh : 22 Muharram 1427

21 Februari 2006